

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



● DATUK SERI MOHD ADIB ADAM

# Mahathir arahkan RTM sedia rancangan yang bermutu

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan RTM supaya menyediakan rancangan-rancangan yang bermutu mengikut selera dan citarasa rakyat hingga dapat memenuhi matlamat Kerajaan untuk mewujudkan perpaduan kaum di negara ini.

Demikian ditegaskan oleh Menteri Pengerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam, kepada rombongan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Wartawan Hiburan Malaysia (EJA), di pejabat beliau di sini hari ini.

Menurut beliau, Perdana Menteri juga menerangkan RTM kerana terlalu menjangkakan sesuatu rancangan baru kepada orang ramai, tetapi tidak dapat ditayangkan mengikut jadual dengan alasan-alasan yang kurang munasabah.

Datuk Seri Mohd Adib berkata, arahan dan teguran Datuk Seri Dr Mahathir membuktikan beliau mengambil berat dan sentiasa mengikuti rancangan-rancangan RTM.

Katanya, Perdana Menteri juga menegur siri "Dallas Malaysia" yang dijanjikan untuk hidangan penonton secepat mungkin tetapi sehingga kini belum dapat disiarkan.

"Saya dinasihatkan supaya menyediakan rancangan bermutu untuk hidangan semua peringkat penonton khususnya dari luar bandar di samping menepati janji untuk menyiarkan rancangan baru tepat pada masanya," katanya lagi.

Rombongan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi Persatuan Wartawan Hiburan Malaysia itu, diketuai oleh Presidennya, Encik Norshah Thamby,

yang mengunjungi Datuk Seri Mohd Adib di pejabatnya, hari ini.

Datuk Seri Mohd Adib juga sependapat dengan Perdana Menteri supaya diambil langkah-langkah berkesan untuk memperingati Allahyarham P. Ramlee sebagai sinman teragung tanahair.

Katanya, rakyat Malaysia dari semua generasi yang mencintai dunia seni tidak harus melupakan jasa-jasa Allahyarham yang telah menaikkan imej negara di bidang itu sepanjang hayatnya.

Beliau berkata, TV juga telah menyiarkan tiga rancangan khas untuk memperingati jasa-jasa Allahyarham P. Ramlee iaitu "Seniman Ehsan", "Ihanku" dan "Sepanjang Riwayatku". "Kami juga telah mengabadikan sebuah auditorium dengan nama Allahyarham," jelasnya.

Datuk Seri Adib berkata, RTM bercadang menyiarkan rancangan-rancangan lain dari masa kemasa bagi memperingati sinman agung itu. Antaranya:

- Menyiarkan rancangan khas pada setiap tarikh kelahiran Allahyarham.
- Mencadangkan supaya setiap rancangan hiburan menyelitkan sekurang-kurangnya satu lagu ciptaan dan nyanyian Allahyarham.
- Menggalakkan juruhebah radio menyiarkan lagu-lagu ciptaan sinman agung dan tidak terliu mengutamakan lagu-lagu luar.
- Menggalakkan para peserta Bintang RTM atau Bakat TV menyanyikan lagu-lagu Allahyarham P. Ramlee.